

23 JUL 2001

DANAHARTA-LANTIK

ABDUL HAMIDY DILANTIK PENGARAH URUSAN BARU DANAHARTA

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Abdul Hamidy Hafiz, pengarah operasi Danaharta dilantik sebagai pengarah urusan Danaharta berkuatkuasa 1 Ogos, 2001 menggantikan Datuk Azman Yahya.

Dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa Azman akan menggantikan Raja Tun Mohar Raja Badiozaman sebagai pengerusi Danaharta berkuatkuasa pada tarikh yang sama.

Perdana Menteri berkata kerajaan sangat menghargai kepimpinan Raja Mohar dalam menubuhkan Danaharta sehingga menjadi sebuah agensi yang dihormati di seluruh dunia kerana profesionalisme dan dedikasi di dalam menyelesaikan masalah hutang-hutang tidak berbayar (NPL).

Sementara itu, Azman juga akan menggantikan Datuk C. Rajandram sebagai pengerusi Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC).

Berikutan pelantikan berkenaan Rajandram akan memberi fokus kepada tanggungjawab beliau sebagai timbalan pengerusi eksekutif Rating Agency of Malaysia Bhd dan RAM Consultancy Services Sdn Bhd.

Menurut Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, pelantikan Azman sebagai pengerusi CDRC yang baru adalah diharapkan dapat meningkatkan usaha-usaha penyelarasan Danaharta dan CDRC dalam merangka skim-skim baru penyelesaian hutang peminjam korporat, mungkin dengan menggunakan kuasa-kuasa khas Danaharta.

Pada masa ini, CDRC tidak mempunyai kuasa-kuasa khas dan pencapaiannya banyak bergantung kepada skim-skim penyusunan semula yang dilaksanakan secara sukarela.

Tempoh pelantikan ahli-ahli lembaga pengarah Danaharta iaitu Datuk N Sadasivan dan Datuk Richard Ho, kedua-duanya mewakili sektor swasta Malaysia dan juga Alister Maitland sebagai wakil komuniti perniagaan antarabangsa, telah diperbaharui sehingga 30 Jun, 2003.

Sementara itu, kenyataan itu berkata, wakil komuniti perniagaan antarabangsa, Eoghan McMillan telah bersara daripada lembaga pengarah pada 30 Jun, 2001 selepas berkhidmat selama satu penggal dan pengganti beliau akan dilantik kelak. -- BERNAMA

NN OS